

Perlambangan peribahasa Orang Asli: Satu penelitian awal dalam buku teks Bahasa Semai

Mohamad Nik Mat Pelet^{1*}, Anida Sarudin², Mutiara Megat³

¹ Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Teknologi MARA (UiTM),
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia

² Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

³ Sekolah Kebangsaan Cyberjaya, Persiaran Bestari, Cyber 11, 63000 Cyberjaya, Selangor, Malaysia

*Corresponding author: nikmat@uitm.edu.my

Received: 01 April 2025; **Revised:** 16 May 2025; **Accepted:** 24 June 2025; **Published:** 30 June 2025

To cite this article (APA): Pelet, M. N. M., Sarudin, A. ., & Megat, M. . (2025). Perlambangan peribahasa Orang Asli: Satu penelitian awal dalam buku teks Bahasa Semai. *PENDETA*, 16(1), 215-226. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.1.18.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.1.18.2025>

ABSTRAK

Masyarakat orang Asli bukan sahaja mempunyai sistem bahasa yang tersendiri malah, bidang-bidang lain termasuk bidang sastera seperti cerita dongeng, cerita rakyat, pantun dan peribahasa juga sangat sinonim dengan masyarakat tersebut. Kehidupan orang Asli yang agak jauh dari kawasan penempatan masyarakat lain menyebabkan pengamatan mereka terhadap keadaan sekeliling terbatas sekali gus menyukarkan mereka mencipta perlambangan berdasarkan objek yang wujud dengan tujuan berkias dalam menyampaikan nasihat dengan unsur seperti perlambangan. Perlambangan merupakan unsur yang berkait dengan suatu ungkapan atau kata yang lebih lembut, sopan, dan manis didengar untuk menggantikan ungkapan lain bagi mengelak berlakunya salah faham terhadap mesej yang ingin disampaikan. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti peribahasa yang terdapat dalam buku teks bahasa Semai dan seterusnya menganalisis unsur perlambangan dalam peribahasa tersebut. Dalam kajian berkaitan perlambangan masih terdapat unsur-unsur yang tidak lazim dalam kalangan masyarakat orang Asli. Justeru, 13 peribahasa telah dikenal pasti melalui analisis dokumen berdasarkan buku teks mata pelajaran bahasa Semai sekolah rendah dan sekolah menengah. Lima daripadanya merupakan peribahasa yang sedia ada digunakan oleh masyarakat orang Asli manakala selebihnya adalah peribahasa yang diterjemahkan daripada peribahasa Melayu. Oleh itu, hanya lima peribahasa yang dianalisis melalui pendekatan Semiotik dengan menggunakan Model Tanda Triadic Peirce dalam menganalisis data kajian. Hasil kajian mendapati bahawa unsur perlambangan dalam peribahasa masyarakat orang Asli sangat sinonim dengan kelakuan dan budaya masyarakat Melayu. Malah, unsur perlambangan yang digunakan dalam peribahasa tersebut juga jelas menggambarkan ketajaman fikiran dan kekayaan bahasa melalui unsur-unsur alam yang terdapat di sekitar mereka. Dapatan kajian ini juga mampu menghuraikan makna tersirat dan tersurat yang menjadi sebahagian daripada akal budi manusia tanpa mengira latar belakangnya termasuklah masyarakat orang Asli.

Kata kunci: adat perlambangan; peribahasa; orang Asli; Buku Teks Bahasa Semai; penelitian awal

ABSTRACT

The indigenous community not only has its own language system, but other fields including literature such as fairy tales, folk tales, poems and proverbs are also very synonymous with the community. The lives of the indigenous people who are quite far from the settlement areas of other communities cause their observation of the surrounding conditions to be limited thus making it difficult for them to create symbols based on objects that exist with the purpose of allusion in conveying advice with elements such as symbols. Symbolism is an element related to an expression or word that is softer, polite, and sweet to hear to replace other expressions to avoid misunderstandings about the message conveyed. Therefore, this study was conducted to identify the proverbs found in the Semai Language Textbook and further analyze the symbolic elements in the proverbs. In studies related to symbolism there are still elements that are not common among the Orang Asli community. Thus, 13

proverbs have been identified through the analysis of documents which are textbooks for Bahasa Semai subjects in primary and secondary schools. Five of them are proverbs that are already used by the Orang Asli community while the rest are proverbs translated from Malay proverbs. Therefore, only five proverbs were analyzed through the Semiotic Approach by using Peirce's Triadic Sign Model in analyzing the research data. The results of the study found that the symbolic elements in the proverbs of the Asli community are very synonymous with the behavior and culture of the Malay community. In fact, the symbolic elements used in the proverb also clearly describe the sharpness of mind and the richness of language through the elements of nature found around them. The findings of this study are also able to explain the implied and written meanings that are part of human common sense regardless of their background including the Aboriginal community.

Keywords: *symbolism; proverbs; Orang Asli; Semai Language textbook; preliminary research*

PENGENALAN

Bahasa memainkan peranan penting kepada setiap lapisan masyarakat dalam menzahirkan mesej atau perkara yang ingin disampaikan dengan pelbagai cara termasuklah penggunaan peribahasa. Menurut Salinah, Huraizah dan Rohaidah (2018), peribahasa wujud sejak sekian lama dalam kehidupan masyarakat yang disampaikan secara halus bagi melambangkan dan menyampaikan sesuatu maksud yang tersirat. Manakala, Asmah Omar (2004) pula menjelaskan bahasa merupakan lambang untuk mengaitkan maksud atau fikiran manusia dengan perkara-perkara konkrit atau abstrak dan teradun dengan pengertian makna yang disampaikan melalui ungkapan. Peribahasa merupakan rakaman dalam kehidupan oleh setiap lapisan masyarakat termasuklah masyarakat peribumi semenanjung iaitu orang Asli termasuk Sabah dan Sarawak. Peribahasa juga mengandungi pengajaran dan makna tersirat disebalik ungkapan yang dizahirkan oleh masyarakat dahulu kala. Selain daripada masyarakat Melayu, kelompok masyarakat orang Asli juga mempunyai peribahasa tersendiri yang digunakan dalam kehidupan seharian mereka sama ada sebagai teguran kepada anak-anak, atau digunakan untuk menggambarkan sesuatu keadaan yang berlaku di persekitaran hidup mereka.

Masyarakat Melayu bukan saja dikatakan sinonim dengan penggunaan perlambangan dalam memastikan aspek kesantunan bahasa malah, hampir semua bahasa di dunia mempunyai unsur yang sama (Nasimah dan Lubna, 2019). Aspek kesantunan juga boleh dizahirkan melalui penggunaan lambang-lambang yang sesuai dengan pemikiran, dan kehidupan masyarakat setempat. Selari dengan pandangan Asmah Omar (2004) yang menyatakan bahawa asas kesantunan dalam berbahasa mampu dicapai ketika pengguna bahasa patuh kepada tiga peraturan iaitu linguistik, sosiolinguistik dan pragmatik termasuklah elemen perlambangan disebalik perkataan atau frasa yang digunakan. Manakala Awang Sariyan (2007) pula menjelaskan kesantunan bahasa diukur melalui penggunaan bahasa yang akur terhadap peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dalam sesebuah masyarakat bahasa. Maka, unsur perlambangan merangkumi aspek penguasaan bahasa tentang amalan penggunaan bahasa yang diterima dalam sesebuah masyarakat dan budaya.

Pada tahun 1996, ketika mata pelajaran Bahasa Semai mula diperkenalkan di sekolah-sekolah murid Orang Asli di sekitar Pahang dan Perak, aspek seni bahasa seperti peribahasa, pantun dan lain-lain yang terdapat dalam kehidupan masyarakat orang Asli turut diperkenalkan dalam dalam buku berkenaan. Tujuannya adalah untuk kelestarian bahasa orang Asli itu sendiri serta memastikan aspek seni bahasa seperti peribahasa, pantun atau sajak orang Asli dapat diterapkan dalam diri anak-anak muda dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Sejajar dengan 17 misi pembangunan mampan oleh *United Nation* iaitu misi keempat untuk memastikan pendidikan berkualiti inklusif dan saksama serta menggalakan peluang pembelajaran sepanjang hayat kepada setiap lapisan masyarakat tanpa diskriminasi. Walau bagaimanapun, sejak mata pelajaran tersebut diperkenalkan masih tidak banyak kajian-kajian yang dilakukan bagi meneliti aspek-aspek tertentu termasuklah perlambangan dalam peribahasa seperti kajian yang dilakukan ini.

Justeru, kajian yang berfokus kepada aspek seni bahasa iaitu peribahasa yang terkandung dalam buku teks bahasa Semai sekolah rendah dan sekolah menengah perlu dilakukan bagi merungkai dan membuktikan wujudnya unsur-unsur perlambangan dalam peribahasa masyarakat orang Asli. Secara umumnya, kajian yang dilakukan ini bertujuan untuk (i) mengenal pasti peribahasa yang terdapat dalam buku teks bahasa Semai sekolah rendah dan sekolah menengah dan (ii) menganalisis unsur perlambangan yang terdapat dalam peribahasa tersebut. Walaupun kajian ini adalah satu penelitian

awal, dapatan yang diperoleh kelak akan membantu pengkaji akan datang merungkai dengan lebih mendalam unsur perlambangan dengan lebih mendalam dan berfokus.

Pernyataan Masalah

Penggunaan bahasa dalam kalangan generasi kini turut menyumbang terhadap penggunaan peribahasa yang semakin moden dengan menggunakan perkataan, frasa atau perlambangan baharu. Justeru, pendapat Salinah, Huraizah dan Rohaidah (2018), berkaitan penelitian terhadap peribahasa perlu dilakukan untuk memastikan kemurnian dan keaslian peribahasa tetap terjaga walaupun zaman semakin moden dan berubah sesuai dengan peredaran teknologi semasa. Dalam pada itu, perkembangan ini juga turut akan mendorong penciptaan peribahasa yang baharu yang mencerminkan pemikiran, budaya dan minda masyarakat pada sesuatu zaman. Oleh yang demikian, kewajaran kajian ini dilakukan adalah untuk memastikan unsur-unsur perlambangan yang terkandung dalam peribahasa orang Asli mampu membentuk pemikiran dan pengetahuan kepada masyarakat tersebut.

Dalam pada itu, kajian ini dilakukan juga bagi mengukur peribahasa yang digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Semai mampu membentuk kemampuan berfikir dan mengadaptasi makna yang disampaikan disebalik perlambangan yang digunakan dalam sesuatu peribahasa. Pernyataan ini selari dengan kajian Hasmidar dan Jafizah (2016) yang menjelaskan bahawa peribahasa mampu membentuk satu pemikiran yang bermakna bukan sahaja dalam pelajar murid malah guru-guru agar dapat diaplikasi dalam kehidupan seharian.

Selain itu, kajian berkaitan peribahasa orang Asli terutamanya dalam buku teks juga kurang dilakukan sedangkan ia digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran. Justeru, kurangnya kajian unsur perlambangan dalam peribahasa orang Asli mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian ini sebagai satu usaha untuk memperluaskan bidang kajian sekaligus dapat memastikan penerapan unsur perlambangan dapat diterapkan dalam diri murid-murid secara tidak langsung. Maka, kajian ini dilakukan untuk membuktikan masyarakat orang Asli tidak hidup terasing dan juga mempunyai peribahasa yang menerapkan unsur perlambangan yang sesuai dengan kehidupan seharian mereka termasuklah pemikiran, budaya dan sastera.

Kajian Literatur

Kajian berkaitan unsur perlambangan sering dilakukan oleh pengkaji terdahulu dalam bidang bahasa dan budaya sama ada berlatarbelakangkan masyarakat Melayu atau peribumi Sabah dan Sarawak berbanding masyarakat orang Asli di semenanjung. Terdapat pelbagai kajian berteraskan perlambangan di Malaysia dan merupakan topik menarik yang bukan sahaja wujud dalam suatu budaya dan bahasa masyarakat Malaysia malah, dalam bidang politik, laras bahasa iklan dan sebagainya. Unsur perlambangan sering digunakan untuk mengekspresikan sesuatu perkara yang sensitif dengan cara yang lebih lembut melalui pemilihan perkataan yang dapat mengelak sebarang konflik salah faham akibat daripada penggunaan perkataan yang kasar, kesat dan sebagainya. Perbincangan seterusnya akan membincangkan beberapa kajian lepas berkaitan unsur perlambangan yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu di Malaysia.

Mengga (2023) dalam kajiannya berkaitan perlambangan berunsurkan unsur alam seperti tumbuhan dan haiwan menjelaskan bahawa ia adalah cabang dalam seni lisan masyarakat dunia termasuklah budaya dalam kalangan masyarakat Iban. Tambah beliau lagi, keunikan bentuk dan keindahan makna tersurat dan tersirat disebalik unsur-unsur yang digunakan dalam peribahasa masyarakat Iban di Sarawak membuktikan bahawa perlambangan yang dizahirkan dalam sesuatu karya seperti pantun mahupun peribahasa mempunyai makna-makna khusus sama ada secara nyata ataupun tidak. Pengamatan dan pemahaman sangat diperlukan untuk memberi tafsiran yang jelas, makna yang tepat dan mesej yang jelas dan tidak kabur. Manakala kajian oleh Muhammad Khalis dan Mas Rynaa (2023) pula menjelaskan bahawa perlambangan dalam sesuatu karya seni bahasa seperti pantun atau peribahasa bukanlah bertujuan untuk mempamerkan keindahan atau kehalusan seni pantun yang berangkap malah, kelahiran idea, mesej dan makna yang utuh disebalik perlambangan yang digunakan

juga menjadikan sesuatu karya itu bermakna. Sebagai contohnya, penerapan elemen budaya, kasih sayang, cinta, falsafah, kehidupan masyarakat setempat dan sebagainya.

Manakala kajian oleh Julaina Nopiah dan Fikratul Jahriyyah (2023) pula menjelaskan bahawa setiap objek yang digunakan dalam peribahasa berkait rapat dengan kehidupan masyarakat pada zaman dahulu kerana setiap peribahasa yang dikaji memperlihatkan pengaplikasian unsur alam sekeliling serta adaptasi kehidupan masyarakat setempat. Unsur-unsur tersebut jelas menggambarkan ketinggian budi dan pemikiran masyarakat terdahulu dalam mengadaptasi unsur perlambangan dalam amalan komunikasi seharian mereka. Jelas sekali bahawa peribahasa memainkan peranan penting bukan sahaja elemen komunikasi malah mendedahkan dan membentuk penggunaan unsur perlambangan dalam diri seseorang termasuklah masyarakat orang Asli melalui peribahasa yang digunakan sebagai bahan pengajaran dalam Buku Teks Bahasa Semai.

Muhammad Zaid, Mohammad Shahrul Nizam dan Remmy Gedat (2017) telah melakukan satu kajian dalam kalangan masyarakat Iban dan mendapati etnik Iban begitu kaya dengan aspek kesopanan dalam berbahasa dengan menggunakan perkataan berunsurkan perlambangan kerana mereka sedaya upaya untuk menjaga hati pendengar dalam setiap tutur kata mereka. Tambah mereka lagi, amalan menggunakan perkataan berunsurkan perlambangan dalam kalangan masyarakat Iban juga dipercayai pengaruh daripada faktor adat dan kepercayaan yang telah mereka warisi sejak turun-temurun lagi. Pernyataan tersebut turut disokong dengan dapatan kajian Saidatul Nornis (2007) yang mendapati masyarakat Iban juga kaya dengan kesopanan dan kesantunan berbahasa sebagaimana masyarakat Melayu yang lazim dengan menggunakan unsur-unsur perlambangan bagi menggantikan perkataan yang digunakan agar penyampaian menjadi lebih lembut, berkesan dan bertatasusila.

Begitu juga halnya dengan kajian berkaitan masyarakat peribumi di Sabah. Walaupun masyarakat Sabah terdiri daripada pelbagai suku kaum sebagaimana negeri Sarawak, namun masyarakatnya juga tidak asing dengan unsur-unsur perlambangan dalam penggunaan bahasa seperti masyarakat lain di seantero dunia. Pernyataan ini dibuktikan dengan kajian oleh Petronella dan Kartini (2015) yang mendapati masyarakat Dusun menggunakan perlambangan dengan memilih perkataan yang berunsurkan eufemisme dalam hal-hal berkaitan sumpahan dan maki, peristiwa kematian, hal kebersihan, sistem panggilan kekeluargaan, makhluk halus ghaib, anggota tubuh badan, hal kewanitaan dan sebagainya kerana berpegang pada pengaruh adat dan kepercayaan yang telah sebatik sejak turun-temurun disamping mengelak kesan negatif jika menggunakan bahasa tabu. Maka, jelaslah bahawa unsur perlambangan bukan sahaja wujud dan sinonim dengan masyarakat Melayu malah masyarakat peribumi lain seperti Iban, Dusun dan orang Asli juga wujud dalam kehidupan mereka.

Kajian Shia (2020) menyatakan penggunaan sesuatu ungkapan memerlukan pemikiran yang tajam daripada penulis kerana leksikal yang dipilih bukanlah untuk tujuan hiburan semata-mata, malah mengandungi falsafah dan pemikiran yang bermakna sama ada secara nyata atau sebaliknya untuk disampaikan kepada pendengar. Kajian beliau juga cuba untuk merungkai perlambangan yang digunakan dalam lirik lagu dan mendapati perlambangan kehidupan mewah diberi perlambangan dengan merujuk nama negara dan harta tertentu. Malah, nama negara-negara seperti London yang digunakan dalam perlambangan juga adalah sebuah negara maju, menjadi tumpuan orang ramai dan ekonominya yang setanding dengan kekayaan rakyat digunakan oleh pengkarya untuk menggambarkan kehidupan mewah yang boleh dirasai sekiranya menjadi jutawan.

Selain itu, Suliman et al., (2023) telah melakukan satu penelitian dengan mengaplikasikan pendekatan semiotik mengenai puisi Gakgagak yang berfungsi untuk menyuarakan keluh kesah masyarakat kelas bawahan untuk memperjuangkan hak-hak mereka yang telah ditindas. Karya yang sarat dengan unsur perlambangan mengandungi makna yang tersirat dan mendalam serta bersifat emosional. Walaupun karya tersebut menggunakan perkataan yang mudah, namun lambang-lambang disebaliknya perkataan juga memberi makna yang luas dan menyeluruh dalam menyampaikan mesej kepada sasaran mahupun pembaca.

Maka, dapatlah disimpulkan bahawa banyak kajian berkaitan perlambangan telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu namun, kajian berkaitan peribahasa masyarakat Orang Asli masih kurang dilakukan lebih-lebih lagi ia baru sahaja diperkenalkan dalam buku teks bahasa Semai di sekolah murid orang Asli. Lantas, tindakan untuk menjalankan kajian ini adalah sangat tepat bagi membuktikan

wujudnya unsur perlambangan dalam peribahasa masyarakat tersebut. Kajian ini juga dapat membuktikan bahawa seni bahasa dalam kalangan masyarakat orang Asli bukanlah asing dengan bahasa-bahasa lain malah, hampir mirip dengan masyarakat Melayu itu sendiri. Kajian perlambangan ini bukan sahaja membincangkan tentang bahasa tetapi juga mencerminkan nilai dan norma masyarakat termasuklah masyarakat minoriti seperti masyarakat orang Asli. Kajian yang dilakukan ini juga mampu memberi manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia untuk lebih menghargai nuansa bahasa dan budaya yang wujud dalam setiap lapisan masyarakat di Malaysia amnya dan dunia khususnya.

METODOLOGI

Kajian kualitatif berbentuk deskriptif digunakan dalam kajian yang dilakukan ini. Pengkaji memilih kaedah analisis kandungan teks, iaitu mengkaji buku teks bahasa Semai sekolah rendah dan menengah yang mengandungi unsur seni bahasa iaitu peribahasa. Unsur-unsur seni bahasa lain tidak dianalisis kerana fokus kajian yang dilakukan ini hanya merujuk kepada peribahasa yang digunakan dalam buku berkenaan untuk diajar kepada murid-murid orang Asli di sekolah. Kesemua peribahasa yang terkandung dalam buku teks sama ada buku teks sekolah rendah mahupun sekolah menengah disenaraikan terlebih dahulu sebagaimana yang terkandung dalam jadual 2. Kemudian, peribahasa tersebut disaring dan dikenal pasti dari aspek perlambangan berdasarkan kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini iaitu pendekatan semiotik berlandaskan Model Tanda Triadic Peirce.

Kerangka Teori


Charles Sanders Peirce telah memperkenalkan pendekatan semiotik sekitar tahun 1965. Empat kaedah yang boleh diaplikasikan dalam pendekatan Semiotik, antaranya ialah menerusi aplikasi model Tanda Binary Oppositiion yang dicipta oleh Ferdinand de Saussure, Model Tanda Triadik oleh Charles Sander Peirce, pendekatan *Myth* oleh Barthes (1957) dan Teori Tanda Peter Wollen (1998). Namun begitu, kajian yang dijalankan ini hanya menggunakan kaedah Model Triadic yang diperkenalkan oleh Charles Sander Peirce. Elemen utama teori ini ialah terdiri daripada (i) representasi, (ii) objek dan (iii) interpretasi. Representasi dirujuk oleh pemerhati terhadap perkara yang melingkari sesuatu tanda dalam data yang dianalisis. Objek pula disebut sebagai acuan kepada tanda tersebut yang dirujuk fungsinya sebagai suis dalam membina interaksi. Manakala, interpretasi adalah konsep pemikiran yang menzahirkan pandangan, idea dan membentuk makna dan diterjemahkan oleh pemerhati (Johansen & Larsen, 2002). Berhubung dengan konsep triadic (*three-part*), Peirce (dalam Daniel Chandler, 2002:32) menjelaskannya seperti yang berikut:

A sign ... (in the form of a representamen') is something which stands to somebody for something in some respect or capacity. It addresses somebody, that is, creates in the mind of that person an equivalent sign, or perhaps a more developed sign. That sign which it creates I call the interpretant' of the first sign. The sign stands for something, its object: It stands for the object, not in all respects, but in reference to a sort of idea, which I have sometimes called the ground of the representamen.

(Charles Sanders Peirce, 1958)

Teddy Marrius dan Ag Asri (2020) menyatakan kajian boleh wujud dalam pelbagai keadaan yang ditandai dengan pelbagai tanda (signs) yang mencerminkan makna disebalik sesuatu tanda menjadikan elemen semiotik lebih menarik untuk dikaji termasuklah perkara-perkara melibatkan tanda seperti kata, perbuatan, bau, rasa, gambar atau objek. Model Triadic Peirce bersifat tiga penjurua yang ditandai dengan (i) representasi merupakan satu bentuk (*form*) yang bersifat sebagai tanda namun, bukanlah tanda yang merujuk material semata-mata malah, mengatasi pemikiran yang ditafsirkan, (ii) objek yang merujuk kepada sesuatu yang melebihi konteks tanda dan (iii) interpretasi yang bukan sahaja sebagai penterjemah, tetapi sebagai tafsiran terhadap tanda yang digunakan. Justeru, pemilihan teori ini sangat relevan dengan kajian yang dilakukan kerana peranan teori yang sangat luas dalam menyelesaikan konsep penandaan makna disebalik perlambangan yang digunakan dalam peribahasa orang Asli. Tiga penjurua dalam model tanda ini dapat digambarkan seperti dalam rajah 1.

Rajah 1 Model Tanda Triadic Peirce



(Sumber: Chandler, 2002)

Berdasarkan rajah 1, Model Tanda Triadic Peirce (1965), peribahasa yang dianalisis diperjelaskan dengan merujuk tiga elemen yang terkandung dalam model tersebut iaitu (i) representasi sebagai tanda yang dapat diberikan rujukan dengan objek, manakala elemen (ii) objek pula adalah perlambangan yang bukan sahaja tanda semata-mata malah merangkumi maksud disebalik tanda yang digunakan dan elemen ketiga (iii) interpretasi berperanan sebagai tafsiran dengan merujuk tanda yang juga berfungsi untuk mentafsir perlambangan disebalik peribahasa tersebut. Menurut Muhammad Zaid et.al., (2018) Model Tanda Triadic Peirce berupaya menghuraikan perkaitan antara pemikiran dan perlambangan bagi menjawab sesuatu lambang atau kata yang terkandung dalam sesuatu elemen yang digunakan dalam karya sastera seperti peribahasa, pantun atau sajak.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Perbincangan seterusnya memperincikan hasil analisis kajian dengan membincangkan dapatan berdasarkan persoalan kajian berkaitan (i) pengenalpastian peribahasa yang terdapat dalam buku teks bahasa Semai sekolah rendah dan menengah dan (ii) penganalisan perlambangan yang terkandung dalam peribahasa-peribahasa tersebut. Jadual 1 memaparkan terdapat 13 peribahasa yang terkandung dalam buku teks Bahasa Semai dan hanya lima peribahasa yang asalnya milik orang Asli digunakan dalam buku teks berkenaan berbanding lapan lagi adalah peribahasa Melayu yang diterjemahkan ke dalam bahasa Semai. Oleh itu, hanya lima peribahasa yang dianalisis bagi membuktikan wujudnya unsur perlambangan dalam peribahasa masyarakat orang Asli seperti dalam jadual 2.

Jadual 1 Senarai peribahasa dalam Buku Teks Bahasa Semai

Bil.	Peribahasa	Muka surat	Tingkatan/Tahun
1.	begei awat ru terikbes	51	Tingkatan 1
2.	rah isik hubik	51	Tingkatan 2
3.	nyeh samak higelgol, hanyok samak hitajag	80	Tingkatan 3
4.	rah tijik de bipet	26	Tingkatan 4
5.	cak pinui	26	Tingkatan 4
6.	ku belok mong heknod, ku pajeh mong inong	26	Tingkatan 4
7.	begei nulernur bakou	69	Tahun 4
8.	berayot	69	Tahun 4
9.	begei entag sameu	69	Tahun 4
10.	cungkag kalag	69	Tahun 4
11.	begei ceos sot	69	Tahun 4
12.	pet poi	69	Tahun 4
13.	begei caknak pug	69	Tahun 4

Berdasarkan jadual 1, peribahasa yang terdapat dalam buku teks bahasa Semai sama ada sekolah rendah mahupun sekolah menengah adalah terhad. Hanya terdapat 13 keseluruhan peribahasa yang didedahkan dalam buku teks untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran malah, ia tidak merangkumi semua tahun atau tingkatan pembelajaran. Jika diamati, peribahasa di peringkat sekolah rendah hanya didedahkan kepada murid-murid tahun 4 manakala bagi sekolah menengah pula terhad dengan tiga peribahasa dalam tingkatan 4 dan masing-masing satu peribahasa dalam tingkatan 1, 2 dan 3. Sedangkan kajian oleh Kannan dan Wan Muna (2024) menyatakan bahawa penerapan elemen seni bahasa seperti peribahasa, pantun dan sajak merupakan antara transformasi yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Kurikulum Standard Sekolah Menengah sebagai satu langkah yang berstruktur untuk memupuk sikap mengagungkan keindahan bahasa yang puitis dalam karya bahasa termasuklah peribahasa sebagai elemen seni bahasa dalam mata pelajaran bahasa Semai.


Jadual 2 pula menunjukkan lima peribahasa yang telah dikenal pasti sebagai peribahasa asal oleh orang Asli dan hanya empat peribahasa iaitu (i) *rah isik hubik*, (ii) *begei entag sameu*, (iii) *begei ceos sot* dan (iv) *begei caknak pug* dan (vi) *begei nulernur bakou* dianalisis yang mengandungi unsur perlambangan untuk dibincangkan dalam dapatan kajian ini:

Jadual 2 Senarai Peribahasa Asal Orang Asli dalam Buku Teks Bahasa Semai

Bil.	Peribahasa	Makna dalam Bahasa Semai	Makna dalam Bahasa Melayu
i.	rah isik hubik (seperti isi ubi)	renes kerdor de kemek telas bisulek	wajah berseri selepas bersolek
ii.	begei entag sameu (bagai telinga beruang)	numom de tok kicerngai engrok atao bengwal mai	tidak mendengar nasihat
iii.	begei ceos sot (bagai kayu api kering)	numom sengoi de senang kiog tenulug ha mai kilek	suka membantu/ringan tulang
iv.	begei caknak pug (bagai makan ayam)	numom de kicak bejehei atao kibebakad	seseorang yang makan secara tamak, gelojoh dan kedekut
vi	begei nulernur bakou (bagai gulungan bakau)	kirujok ha jarak tempat de tok nyak	merujuk jarak tempat yang tidak jauh

Berdasarkan jadual 2, peribahasa (i) *rah isik hubik* membawa maksud *renes kerdor de kemek telas bisulek* atau makna dalam bahasa Melayu standard ialah wajah wanita selepas bersolek digambarkan dengan perkataan *isik hubik* yang secara literalnya bermaksud isi ubi. Perkataan *isik* merupakan rujukan bersifat kata nama iaitu merujuk sesuatu yang termuat dalam sesuatu benda ataupun kandungan, manakala *hubik* merupakan rujukan simbol kepada tumbuhan yang menghasilkan umbi dan bersifat alam semula jadi.


Rajah 2 *Perlambangan isik hubik*



Perlambangan *isik hubik* merujuk rupa paras atau wajah seseorang yang berseri-seri selepas bersolek sedangkan makna sebenar *isik hubik* adalah isi ubi. Pemilihan perkataan *isik hubik* digambarkan dengan pemakaian yang berunsur bahasa berlapis bagi melambangkan kejelitaan rupa paras seseorang wanita yang kelihatan cantik selepas bersolek sebagaimana kajian Nur Alisha (2023) yang menjelaskan wujudnya unsur tumbuhan yang digunakan oleh masyarakat peribumi Sarawak iaitu orang Iban dalam peribahasanya. Tambah beliau lagi, keunikan menggunakan perlambangan tumbuhan menjadikan peribahasa masyarakat tersebut sarat dengan keunikan bentuk dan keindahan makna yang tersurat dan tersirat seperti peribahasa *rah isik hubik* dalam masyarakat orang Asli. Justeru, hubungan dari aspek representasinya iaitu rupa paras diberi perlambangan *isik hubik* sebagai objek rujukan untuk memakna interpretasi dalam peribahasa tersebut. Jadi, dapatlah dikatakan peribahasa *isik hubik* yang terdapat dalam buku teks Bahasa Semai Tingkatan 2 pada muka surat 51 merupakan peribahasa yang mempunyai unsur perlambangan berasaskan unsur tumbuhan untuk memaknakan peribahasa yang dicipta oleh kelompok masyarakat orang Asli.

Begitu juga dengan peribahasa (ii) *begei entag sameu* membawa maksud *numom de tok kicerngai engrok atao bengwal mai* iaitu tidak mendengar nasihat digambarkan dengan menggunakan frasa seperti telinga beruang. Perlambangan perkataan telinga beruang digunakan oleh masyarakat orang Asli untuk memberi gambaran sikap seseorang yang degil, ingkar dan tidak mendengar nasihat kerana persekitaran mereka yang tinggal di kawasan hutan dan menggunakan istilah tersebut bagi menggantikan perkataan degil atau tidak mendengar nasihat. Berdasarkan aspek (a) representasi, sikap manusia yang degil ditandai dengan (b) objek rujukan *entag sameu* iaitu telinga beruang untuk membuat (c) interpretasi makna tidak mendengar kata. Perlambangan *entag sameu* merujuk kepada kumpulan peristiwa yang mempunyai persamaan dari aspek perbuatan atau sikap tidak mendengar kata kerana sifat haiwan yang tidak memahami perkara yang disampaikan oleh manusia.

Rajah 3 *Perlambangan entag sameu*



Menurut Saidatul Nornis et al., (2013), haiwan sebagai perlambangan yang sangat sinonim dalam peribahasa orang Semai kerana kehidupan mereka yang dikelilingi hutan menyebabkan pemilihan perlambangan berbentuk haiwan sering kali diungkap dalam peribahasa yang mereka gunakan. Justeru, perlambangan dalam peribahasa *begei entag sameu* membawa makna yang jelas iaitu sifat haiwan yang tidak mendengar arahan dikaitkan dengan sikap segelintir manusia yang degil atau tidak mendengar nasihat. Begitu juga dengan aspek interpretasi, lambang *entag sameu* digunakan untuk menggambarkan tingkah laku atau sikap dan ia difahami oleh kelompok masyarakat orang Asli kerana secara semula jadinya mereka tinggal di kawasan hutan tebal dan mengenali sifat-sifat haiwan yang hidup di sekitar mereka. Maka, peribahasa *begei entag sameu* mempunyai unsur perlambangan yang menepati ciri-ciri yang terdapat dalam Model Tanda Triadic Peirce.

Manakala bagi peribahasa (iii) *begei ceos sot* membawa maksud *numom sengo de senang kiog tenulug ha mai kilek* iaitu merujuk kepada sifat suka membantu. Walaupun perkataan *rajit* dalam bahasa Semai atau rajin boleh digunakan untuk memberi gambaran yang hampir sama, namun dalam peribahasa orang Asli (a) tanda atau representasi sikap dirujuk dengan (b) objek *ceos sot* untuk memberi (c) interpretasi atau makna yang merujuk sikap suka membantu sebagaimana peribahasa Melayu yang menggunakan frasa ringan tulang. *Ceos sot* dalam bahasa Semai bermaksud kayu api kering dan ia sinonim dengan sifat kayu api yang digunakan sebagai bahan api dalam pekerjaan seharian yang melibatkan aktiviti pembakaran.

Rajah 4 Perlambangan *ceos sot*



Perlambangan berasaskan unsur alam seperti kayu api atau *ceos sot* digunakan oleh masyarakat orang Asli untuk memberi makna sikap suka membantu dalam apa jua keadaan. Perlambangan *ceos* dan *sot* dalam peribahasa tersebut adalah bersifat marak apabila kedua-duanya digabung sehingga membawa kepada aspek interpretasi iaitu hubungan objek atau rujukan *ceos sot* dengan tingkah laku yang digambarkan sebagai rajin atau suka membantu orang lain seperti kayu dan api yang saling memerlukan dalam sesuatu aktiviti pembakaran. Maka, jelaslah bahawa masyarakat orang Asli juga bijak dalam menentukan bentuk atau jenis perkataan yang sesuai untuk digunakan dalam sesuatu peribahasa agar ia dapat disampaikan dengan berunsurkan seni bahasa sekaligus menaikkan semangat orang yang digambarkan dengan peribahasa tersebut sebagaimana pendapat Muhammad Zaid (2020), pemilihan leksikal dalam memaknakan sesuatu peribahasa oleh sesuatu kelompok masyarakat adalah berdasarkan kognitif dan falsafah kehidupan mereka dengan mengambil kira akal budi dan tahap keintelektualan pemikiran.

Peribahasa seterusnya ialah (iv) *begei caknak pug* iaitu bagi makan ayam yang bermaksud seseorang yang makan secara tamak dan kedekut atau dalam bahasa Semai diujar sebagai *numom de kijak bejehei atao kibebakad*. Ayam merupakan antara makanan yang sangat sinonim sebagai kesukaan masyarakat orang Asli dan kecenderungan mereka untuk memilih ayam sebagai lauk utama juga tidak dapat dinafikan.


Rajah 5 *Perlambangan caknak pug*



Keadaan ini berlaku mungkin kerana faktor untuk mendapatkan ayam sebagai menu utama sukar untuk diperoleh memandangkan kawasan tempat tinggal yang jauh di dalam hutan. Lantas, apabila berkesempatan untuk makan lauk ayam, ia akan menaikkan selera makan mereka sehingga kekenyangan. Lantaran itu, frasa *caknak pug* digunakan oleh masyarakat Orang Asli sebagai (b) objek rujukan untuk memberi (a) representasi atau tanda terhadap sifat seseorang yang diberi (c) interpretasi atau makna seseorang yang makan dengan tamak dan tidak mahu berkongsi dengan orang lain. Walaupun terdapat perkataan yang lebih sesuai dengan makna literal untuk digunakan oleh masyarakat orang Asli untuk menggambarkan sifat tersebut namun, mereka memilih frasa *caknak pug* dapat dilihat berdasarkan hubungan frasa tersebut dengan tanda yang dirujuk. Menurut Siti Norashikin dan Ernawati (2017), pemilihan sesuatu perkataan atau frasa yang bersifat perlambangan adalah untuk memastikan tidak timbulnya situasi kasar, kurang sopan, biadap atau seumpamanya dalam memberi teguran terhadap perbuatan seseorang sebagaimana sifat tamak yang digambarkan melalui peribahasa *begei caknak pug*.

Manakala peribahasa (vi) *begei nulernur bakou* iaitu bagi gulungan bakau bermaksud jarak tempat yang tidak jauh. Dalam peribahasa orang Asli, (a) representasi atau tanda suatu keadaan diberi perlambangan dalam bentuk (b) objek atau rujukan *nulernur bakou* untuk memberi (c) interpretasi atau makna jarak yang dekat atau tidak terlalu jauh. Kehidupan masyarakat orang Asli yang bergantung dengan hasil hutan mungkin menyebabkan wujudnya perlambangan seperti *nulernur bakou* untuk mereka memberi gambaran jarak yang tidak terlalu jauh untuk mendapatkan sumber makanan atau keperluan harian mereka.

Rajah 6 *Perlambangan nulernur bakou*



Menurut Adilawati dan Noria (2020), masyarakat peribumi sering menzahirkan pelbagai idea dan makna tentang amalan, budaya dan kehidupan mereka melalui falsafah dengan memanfaatkan minda untuk menggunakan sifat-sifat alam semula jadi dan mencipta estetika yang mereka peroleh dari alam semesta. Tambah mereka lagi, kebiasaannya masyarakat peribumi menjadikan alam sebagai rujukan atau guru dalam menyelesaikan semua masalah yang berlaku dalam kehidupan mereka. Lantas, keupayaan masyarakat orang Asli memilih unsur alam seperti *nulernur bakou* sebagai salah satu

perlambangan dalam memberi makna rujukan terhadap keadaan adalah sesuatu yang sinonim dengan keadaan atau persekitaran mereka yang tinggal di kawasan mesra alam atau hutan. Pemilihan perkataan atau leksikal berunsurkan alam bukanlah sesuatu yang asing untuk mereka ketengahkan dalam menghasilkan sesuatu peribahasa sebagaimana peribahasa *begei nulernur bakou* yang telah dianalisis ini.

Dapatlah disimpulkan bahawa unsur perlambangan juga wujud dalam peribahasa yang digunakan oleh masyarakat peribumi di semenanjung iaitu orang Asli yang bukan sahaja digunakan dalam komunikasi harian mereka malah, dalam peribahasa juga yang telah digunakan sejak berkurun lama. Justeru, pernyataan Munirah Zulkifli, Norazilah Buhari dan Nor Azlili (2019) berkaitan bahawa unsur-unsur bahasa yang digunakan adalah cerminan nilai sosiobudaya masyarakat di Malaysia walaupun berbeza etnik dengan mempamerkan nilai budi bahasa dan menghormati orang lain melalui ungkapan-ungkapan peribahasa seperti ini adalah sangat bertepatan dengan dapatan kajian yang telah dibincangkan. Dalam pada itu, peribahasa yang diterapkan dalam mata pelajaran bahasa Semai ini juga membuktikan bahawa identiti dan bahasa sukuan masyarakat orang Asli kekal terpelihara dan terus menjadi alat atau wadah penyatuan dalam kelompok masyarakat mereka sebagaimana peribahasa Melayu yang menyatukan seluruh masyarakat Malaysia walau berbeza latar belakang dan sosiobudaya masyarakatnya.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, peribahasa masyarakat orang Asli juga mempunyai unsur-unsur perlambangan seperti peribahasa Melayu atau masyarakat peribumi Sabah mahupun Sarawak yang lazimnya wujud penggunaan perkataan atau ayat yang halus, sopan, berlapis dan tidak menyinggung perasaan orang lain. Walau bagaimanapun, unsur perlambangan yang diterapkan dalam peribahasa orang Asli sedikit berbeza daripada peribahasa Melayu sama ada dari aspek (a) representasi, (b) objek atau rujukan yang mana elemen-elemen tersebut adalah elemen yang wujud di persekitaran penempatan mereka dalam memberi (c) interpretasi atau makna. Dalam pada itu, pemerksaan peribahasa orang Asli dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Semai perlu dinilai semula dengan memfokuskan jumlah peribahasa yang perlu diterapkan dalam mata pelajaran tersebut. Berdasarkan jadual dan jumlah yang terhad serta tidak menyeluruh bagi setiap tahun persekolahan menyebabkan usaha melestarikan peribahasa orang Asli sukar mencapai sasarannya. Sedangkan pendapat Nur Izzaty dan Nor Azwahanum (2024) berkaitan peranan guru memanfaatkan sumber buku teks secara maksima dalam pengajaran kerana buku teks memainkan peranan penting dalam membantu menyampaikan isi pengajaran yang bermakna kepada murid-murid. Justeru, pelestarian aspek seni bahasa seperti peribahasa perlu diterapkan secara bersepadu dan konsisten agar generasi masyarakat orang Asli khususnya dapat menerap ilmu berkenaan dalam kehidupan seharian mereka walaupun gaya hidup semakin moden namun, tetap mengekalkan latar identiti yang melambangkan jiwa bangsa mereka.

RUJUKAN

- Adilawati Asri & Noria Tugang. (2020). Parang *Ilang* sebagai Interpretasi Falsafah *Alam Takambang Jadi Guru* dalam Budaya Masyarakat Iban. *Asian people Journal*, 3(1), 1-18.
- Asmah Omar. (2004). *Setia dan Santun Bahasa*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aziz, S. (2016). Eufemisme dalam Bahasa Melayu: Satu Tinjauan. *Malaysian Journal of Languages and Linguistics*, 5(1), 15-24.
- Julaina Nopiah & Fikratul Jahriyyah Anuar. (2023). Unsur Eufemisme dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Bahasa*, 23(1), 1-32.
- Harishon Radzi & Phylisia David. (2012). Unsur Eufemisme dan Perumpamaan dalam Teks Hikayat Iban. *Jurnal Linguistik*, 16(1), 75-87.
- Hasmidar Hassan & Jafizah Jaafar (2016). Penginterpretasian Peribahasa dan Hubungannya dengan Kemahiran Berfikir: Analisis Berdasarkan Teori Relevans. *Jurnal Bahasa*, Jilid 16, Bil. 1, 94-119.
- Jamaluddin, M. (2015). Bahasa dan Budaya: Eufemisme dalam Masyarakat Malaysia.

- Kannan Anamalai & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2024). Keciciran menguasai elemen Seni Bahasa dalam Kalangan Murid Bukan Penutur Natif di daerah jempol. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 6(1), 142-156.
- Maulana Al-Fin Che Man & Nor Hashimah Jalaluddin. (2022). Metafora Objek Galah dan Kemudi salam Pantun Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Linguistik*, 26(1), 58-74.
- Maulana Al-Fin Che Man, Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan. (2020). Maritim Nusantara: Pembuktian Pantun Tradisional Melayu. *Journal of Communication in Scientific Inquiry*. 2(2).
- Muhammad Zaid Daud. (2020). *Unggas dalam Peribahasa Melayu: Satu Analisis Semantik Inkuisitif*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Universiti Malaysia Sarawak.
- Muhammad Zaid Daud, Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid & Remmy Gedat. (2017). Eufemisme dalam Bahasa Iban: Satu kajian Kes di Kampung Lebor, Serian Sarawak. *Borneo Research Journal*, 11, 87-105.
- Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Sa'ad & Zulazhan Ab. Halim. (2021). Leksikal Eufemisme dalam Al-Quran dan Terjemahannya dalam Bahasa Melayu. *Asia Pacific Online Journal of Arabic Studies*, 4(1), 11-24.
- Munirah Zulkifle, Norazilah Buhari & Nor Azlili Hassan. (2019). Eufemisme Cerminan Nilai Sosiobudaya Masyarakat Malaysia. *Sains Insani*, 3 (2), 37-48.
- Nasimah Abdullah & Lubna Abd. Rahman. (2019). Eufemisme dalam Wacana Terjemahan Makna Al-Quran ke Bahasa Melayu: Analisis Pragmatik. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4 (1), 39-56.
- Nur Alisha Mengga. (2023). Unsur Tumbuhan sebagai Perlambangan dalam peribahasa Iban. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 14(2), 1-10.
- Nur Izzaty Zipri & Nur Azwahanum Nor Shaidd. (2024). Kesesuaian Penggunaan Buku Teks Bahasa Melayu SJK Tahun 5 dalam kalangan Guru SJKC. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 6(2), 221-233.
- Petronella Apin & Kartini Abd Wahab. (2015). Tabu Bahasa dalam Masyarakat Dusun Din Daerah Ranau, Sabah. *Jurnal Melayu*, 14(2), 224-239.
- Rahizan Mohd Shukor, Nur Farahkhanna Mohd Rusli & Kesavan Nallaluthan. (2021). Eufemisme dan Disfemisme dalam Komunikasi Pelajar berdasarkan Prinsip Kesantunan Leech. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 1-10.
- Rahman, A. (2019). Eufemisme dalam Laporan Berita Politik di Malaysia. *Journal of Language and Politics*, 18 (2), 233-250.
- Raminah Haji Sabran & Rahim Syam. (1985). *Kajian Bahasa: untuk Pelatih Maktab Perguruan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Salinah Jaafar, Huraizah Abd. Sani & Rohaidah Haron. (2018). Perubahan Fungsi dan Makna Peribahasa dalam Laman Facebook. *Jurnal Komunikasi*, 2, 354-373.
- Saidatul Normis Hj. Mahali & Mohd. Rasdi Saamah. (2013). Hawain sebagai Perlambangan dalam peribahasa Orang Semai. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 13 (1), 83-98.
- Saidatul Normis Hj Mahalai. (2007). *Unsur bahasa dalam Budaya*. Kota Kinabalu, Sabah: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Saidatul Normis Hj Mahali. (2007). Perbandingan Sempema Iban dan Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*, 25-28.
- Shia Ho, W. (2020). Gambaran kemewahan melalui perlambangan dalam lirik lagu hokkien "Ji Pa Ban": Analisis semantik inkuisitif, *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(1), 98-114.
- Siti Norashikin Mohd Khalidi & Ernawita Atan. (2017). Unsur Eufemisme dalam Novel Jalan Retak Karya A. Samad Said. *Journal of Business and Social Development*, 5 (1), 88-101.
- Sherilyne Biyol. (2020). Analisis Eufemisme dalam Masyarakat Melanau Dalat berdasarkan Semantik Inkuisitif. Ijazah Sarjana, Universiti Malaysia Sarawak.
- Suliman, M. S., Ab. Jabar, N., Daeng Jamal, D. H., Sukri, S., Radzuan, A. W., Muid Shukri, F., Raja Hassan, T. R., & Lim, Y. X. (2023). Puisi Konkrit: Satu Penelitian Berdasarkan Pendekatan Semiotik, *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 14(1), 1-12.
- Yusmariza Mohd Yusoff. (2012). *Peranan Bahasa Kebangsaan sebagai lambang Jati Diri Bangsa*. Diakses daripada <http://ir/unimas/my/pdf> pada 12 Ogos 2024.
- Zainal, A., & Hamid, A. (2020). Penggunaan Eufemisme dalam Iklan di Malaysia: Strategi Pemasaran yang Berkesan. *International Journal of Marketing Studies*, 12 (3), 78-85.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, Ahmad Fuad Mat Hassan & Mohd Nur Hafizudin Md Adama. (2014). Kesantunan Bahasa dalam Kalangan Remaja Sekolah Menengah. *Jurnal Bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka, 321-338.